

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJUNG MALIM ]**

**TARIKH : 19 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perjalanan pelan transformasi sektor awam yang merangkumi pengambilan kakitangan yang berkualiti dengan sistem merit dan sistem "exit" untuk mereka yang tidak mencapai kualiti perkhidmatan yang memuaskan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat transformasi perkhidmatan awam ialah untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat. Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam menyokong Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (PTS) bagi memastikan perkhidmatan awam berubah mengikut keperluan semasa. Prinsip utama transformasi perkhidmatan awam berpaksikan landasan dan semangat seperti berikut:

- (i) keutuhan tadbir urus;
- (ii) ketinggian semangat patriotisme, budi pekerti, etika korporat dan integriti;
- (iii) keupayaan eko-sistem dan persekitaran perkhidmatan awam yang harmoni dan lestari bagi menjana pembelajaran berterusan, memperkasa daya kepimpinan serta merangsang kreativiti dan inovasi; dan
- (iv) kemajuan sains dan teknologi.

Sehubungan ini, program transformasi sektor awam yang sedang giat dijalankan menitikberatkan elemen kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam. Justeru, dalam usaha untuk melahirkan penjawat awam yang bertenaga, berilmu,

berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif, dasar dan pelan strategik untuk membangun, menarik dan mengekalkan bakat perlu diperkukuhkan bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan pada setiap masa.

Dalam konteks ini, kaedah *MyRecruitment* diguna pakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang komprehensif. Calon perlu melepasi empat saringan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi serta temu duga sebelum boleh dilantik.

Di samping itu, kaedah *Competency Based Interview* (CBI) diguna pakai semasa proses temu duga calon. Berdasarkan CBI, calon-calon yang ditemuduga akan dinilai berdasarkan sembilan (9) kriteria yang diperlukan iaitu cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, berinovatif, kesetiaan kepada organisasi, keterbukaan dan keupayaan untuk memudahcara (*facilitate*). Hanya calon yang memenuhi sembilan (9) kriteria ini sahaja yang akan ditawarkan ke perkhidmatan awam. Selain itu, program pengekalan bakat terbaik turut diperkenalkan di mana pemegang biasiswa JPA yang merupakan pelajar cemerlang akan melalui program *Talent Acceleration in Public Service* (TAPS) dan jika didapati sesuai akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

Bagi memperkukuhkan perkhidmatan awam melalui dasar pemisah (*exit policy*), pegawai awam yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan sama ada dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai

Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan, mereka boleh diambil tindakan yang serius termasuk menamatkan perkhidmatan pegawai atau dibuang kerja di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Walau bagaimanapun, proses penamatan pegawai awam yang dikenal pasti melibatkan proses pemulihan bagi tempoh tertentu sebagai langkah penilaian sebelum perkhidmatan mereka ditamatkan.

Sekian. Terima kasih.